



# Keusahawanan Islam Memperkasakan Umat

Fadillah Mansor

Profesor Madya di Jabatan Syariah dan Pengurusan,  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

**K**eusahawanan merupakan satu medan dakwah dan bidang kerjaya yang sangat mulia di sisi Islam. Melalui keusahawanan jugalah Islam tersebar ke seluruh pelusok dunia. Malah, umat Islam amat dituntut untuk menjadikan bidang ini sebagai usaha untuk meningkatkan taraf hidup Islam. Dengan kata lain, keusahawanan merupakan bidang yang strategik untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup umat Islam. Hal ini bermakna keusahawanan Islam menjadi pemangkin perubahan ke arah membentuk struktur sosial umat Islam yang lebih sejahtera dan bermanfaat. Perkembangan keusahawanan dan pertambahan bilangan usahawan menunjukkan perkembangan ekonomi yang positif bagi sesebuah negara.



Sehubungan dengan itu, Islam sebagai agama yang mencakupi semua bidang kehidupan menggalakkan umatnya agar menceburi bidang ini. Walaupun Islam mengiktiraf bahawa bekerja di bawah orang lain merupakan pekerjaan yang baik, namun bekerja sendiri tetap merupakan pilihan terbaik. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Daripada Rafi' bin Khadij bahawa Rasulullah ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik. Rasulullah menjawab, 'Kerja seseorang dengan tangannya sendiri dan perniagaan yang diberkati.'" Hadis ini jelas membuktikan bahawa Islam menggalakkan umatnya bekerja sendiri dan menceburi bidang keusahawanan kerana bidang ini bukan sahaja menjana pendapatan peribadi dan menghalang seseorang daripada meminta-minta, malah dapat memberikan peluang pekerjaan kepada orang lain.

"Usahawan Muslim" merupakan ungkapan yang ideal dan komprehensif, serta boleh dijadikan contoh yang berupaya membuat transformasi senario peradaban umat Islam pada masa sekarang. Kesenambungan daripada pemerintahan kegemilangan Islam yang lalu perlu didalami untuk mencari kunci kejayaan mereka. Namun begitu, para cendekiawan pada abad ini perlu membuat analisis apabila memberikan konotasi usahawan Muslim yang tepat. Secara dasarnya, usahawan Muslim ialah umat Islam yang menjalankan aktiviti perniagaan dengan produk yang halal. Namun begitu, mereka juga terikat dengan etika dan roh perundangan syariah agar sentiasa dipatuhi secara total bersumberkan al-Quran dan sunah. Oleh hal yang demikian, ilmu berpaksikan naqli perlu diasimilasikan untuk mewujudkan ikon usahawan Muslim yang ideal. Bagi menjenamakan identiti sebagai usahawan Muslim, sifat yang baik perlu ada dalam jiwa seseorang peniaga. Dalam hal ini,

Rasulullah SAW boleh dijadikan teladan dan ikutan dalam aspirasi usahawan Muslim.

Dalam menuju era globalisasi dan dunia tanpa sempadan, isu dan cabaran dalam bidang keusahawanan semakin mencabar. Oleh hal yang demikian, usahawan Muslim dituntut supaya sentiasa berpegang kepada ajaran Allah yang terkandung dalam al-Quran dan hadis. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara; kamu tidak akan sesat selamanya selagi kamu berpegang kepada dua perkara ini, iaitu al-Quran dan sunah rasul-Nya." (Hadis riwayat Muslim).

Dengan memahami konsep keusahawanan Islam menerusi konteks ibadat, seseorang usahawan Islam mestilah berilmu dan beramanah, serta sentiasa berusaha menjadi lebih kreatif dan inovatif untuk mengurangkan kebergantungan terhadap barangan yang dikeluarkan oleh pengusaha bukan Islam. Selain dapat menambahkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan halal, hal tersebut secara tidak langsung dapat menangkis salah anggapan penganut agama lain yang melihat Islam sebagai agama yang tidak progresif.

Terdapat dua prinsip Islam yang penting dan patut diterapkan dalam bidang keusahawanan, iaitu prinsip keadilan dan prinsip ihsan atau berakhlak. Prinsip keadilan menggesa para usahawan berlaku adil terhadap pengguna dan pembekal dalam hal penentuan harga. Mereka juga perlu berlaku adil terhadap rakan kongsi atau pemegang saham agar tidak mengkhianati amanah yang diberikan untuk menjalankan perniagaan atau perusahaan tersebut. Di samping itu, mereka juga perlu berlaku adil kepada pesaingnya dengan tidak berusaha untuk menyingkirkan pesaing untuk tujuan memonopoli pasaran. Prinsip ihsan pula merujuk berbuat baik dan berakhlak mulia.

**Walaupun Islam mengiktiraf bahawa bekerja di bawah orang lain merupakan pekerjaan yang baik, namun bekerja sendiri tetap merupakan pilihan terbaik.**



Di samping mencari atau mengejar keuntungan dalam perniagaan, usahawan Muslim juga perlu memastikan produk atau perkhidmatan yang dikeluarkan memberikan manfaat kepada masyarakat umum dan aktiviti yang dijalankan tidak bertentangan dengan syarak. Dengan erti kata lain, segala aktiviti yang dijalankan mestilah suci dan bersih daripada segala aktiviti haram. Selain itu, pengusaha juga perlu ada kewajipan sosial dan berusaha untuk melibatkan diri dengan kerja amal. Secara tidak langsung, para usahawan ini dilihat tidak mementingkan diri sendiri semata-mata kerana tanpa masyarakat sekeliling yang menyokong, sudah tentu perusahaan atau perniagaan yang dijalankan tidak akan berkembang maju.

Usahawan Muslim juga memikul tanggungjawab untuk mengamalkan sistem perniagaan seperti yang telah digariskan oleh syariat Islam. Islam tidak pernah sesekali membenarkan umat Islam menjatuhkan orang sama ada sesama Islam mahupun bukan Islam dalam setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan. Bahkan, aspek yang paling penting ialah kebajikan semua pihak dipelihara sama ada pihak pengurusan pekerja atau penyumbang modal perniagaan.

Bidang keusahawanan Islam sangat menekankan aspek halal dalam setiap operasi dan pemasaran pengeluarannya. Peniaga dan pengusaha yang terbabit dengan aktiviti pengeluaran makanan khususnya, perlulah bertanggungjawab memastikan bahan keperluan yang halal dan bersih kepada umat Islam sentiasa mencukupi dan bekalannya semestinya diperolehi daripada pengusaha Islam.



**Kewujudan usahawan Muslim bukanlah semata-mata untuk mengejar keuntungan dan kebendaan, tetapi lebih menjurus ke arah membangunkan ekonomi dan menyejahterakan rakyat.**

Realitinya, sekarang ini umat Islam banyak bergantung pada pengusaha yang bukan beragama Islam bagi keperluan barangan harian mereka. Negara Islam menjadi pasaran kepada negara bukan Islam dan seolah-olah kita gagal untuk menunaikan tugas fardu kifayah ini. Hal ini secara tidak langsung mendedahkan kita kepada risiko kemungkinan import bahan keperluan ini terpaksa dihentikan akibat sekatan ekonomi yang mungkin dikenakan oleh negara Barat seperti yang terjadi kepada banyak negara termasuk Iran, Sudan dan Iraq semasa krisis politik memuncak di negara terbabit.

Sekiranya kesemua sifat yang dinyatakan itu dapat diadaptasikan sebaik-baik mungkin, maka realiti usahawan Muslim pasti akan berjaya dan mencapai prestasi terbaik. Bersikap adil, amanah dan berdisiplin tinggi ketika bekerja sangat dititikberatkan dalam setiap pekerjaan. Namun begitu, ada segelintir individu yang menganggotai sesebuah perniagaan mengambil mudah tanggungjawab yang telah diberikan. Sikap mencuri tulang, tidak jujur, dan tiada keinginan untuk maju boleh menjadi punca jatuhnya integriti seseorang usahawan.

Cabaran dalam bidang keusahawanan menuntut usahawan Muslim untuk lebih bersedia dan maju ke hadapan. Islam tidak menghalang umatnya untuk mengejar keuntungan. Keuntungan tersebut bukan sahaja dapat membantu umat Islam hidup sempurna di dunia, malah juga di akhirat. Akan tetapi, keuntungan yang diperolehi hendaklah melalui jalan yang betul dan mengikut syarak. Keuntungan daripada perniagaan itu juga hendaklah dikongsi dengan masyarakat melalui pembayaran



zakat. Dengan cara ini usahawan Muslim bukan sahaja akan dapat memelihara diri sendiri, malahan agama dan masyarakat Islam umumnya.

Dalam suasana <sup>2</sup>urus niaga semakin meningkat maju melalui perniagaan secara dalam talian, maka isu permasalahan dan cabaran dalam keusahawanan semakin meluas dan mencabar. Oleh hal yang demikian, usahawan Muslim dituntut supaya sentiasa berpegang pada ajaran Allah yang terkandung dalam al-Quran dan hadis. Dalam keadaan perkembangan ekonomi yang menggalakkan ketika ini, pihak kerajaan perlulah meningkatkan lagi program pembangunan Islam melalui pendekatan yang lebih Islamik. Pendekatan yang lebih terperinci ini diharapkan dapat meningkatkan lagi kuantiti dan kualiti usahawan Muslim yang bakal dilahirkan pada masa depan.

Bidang keusahawanan berperanan sebagai enjin pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Peranan rakyat pelbagai tahap pendidikan dan usia digalakkan untuk menceburkan diri dalam bidang ini. Dunia yang semakin global dan mencabar menuntut usahawan alaf baharu supaya lebih berdikari dan berdaya kreatif, lebih-lebih lagi keadaan pasaran kerjaya yang semakin tidak menentu dan terhad. Keusahawanan dapat membantu negara menangani isu pengangguran, khususnya ketika negara mengalami kitaran ekonomi serta wabak lain yang sukar dielakkan. Oleh sebab itu, golongan usahawan khususnya daripada kelompok usahawan muda dan siswazah, haruslah berani dan tabah menghadapi pelbagai cabaran apabila menceburkan diri dalam bidang ini. Pelbagai usaha perlu dipergiat oleh pihak kerajaan agar graduan berupaya menjadi lebih berdaya kreatif membuat keputusan dengan berpandukan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki.

Penglibatan graduan dalam bidang keusahawanan amat disokong oleh pihak kerajaan sebagai alternatif untuk mengurangkan kadar pengangguran. Pihak kerajaan sentiasa menyediakan pelbagai kursus dan latihan bagi usahawan muda untuk memantapkan lagi kemahiran dalam bidang ini. Bukan itu sahaja, dana dan tabung pinjaman juga diwujudkan untuk menggalakkan penglibatan graduan dalam bidang ini.

Kebanyakan perusahaan dan perniagaan di negara ini masih lagi diusahakan dan dikuasai oleh masyarakat bukan Islam, dan jika ada pemilikan bumiputera misalnya, kebanyakannya berasaskan pegangan melalui institusi seperti pemilikan oleh syarikat berkaitan dengan kerajaan (GLC). Sudah tiba masanya kita mengorak langkah

untuk sama-sama meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang keusahawanan ini. Hanya melalui bidang ini, ekonomi umat Islam dapat ditingkatkan, dan imej kita sebagai penganut agama yang progresif dapat dimartabatkan. Jika selama ini kita hanya menjadi pembeli, sudah tiba masanya kita menjadi penjual yang mendominasi pasaran setempat, serantau dan global.

Sehubungan dengan itu, umat Islam di negara ini harus bersedia menggembeng tenaga dan mengerah segala sumber yang ada untuk memastikan kempen ini berterusan, dan dapat memberikan impak positif dalam perniagaan umat Islam tanpa menidakan hak kepenggunaan dan perniagaan pihak lain. Pada waktu yang sama, umat Islam hendaklah sentiasa berazam untuk melaksanakan segala tindakan berdasarkan kefaqihan ilmu yang bukan semata-mata difahami tentang isi dan hukum, malah kemampuan untuk mengadaptasi isi dan hukum tersebut dengan mengambil kira implikasi, kemaslahatan dan keadilan. Yang lebih penting dapat mengelakkan daripada kerosakan dan permusuhan yang berpanjangan antara rakyat berlainan kepercayaan, agama dan bangsa.

Keusahawanan Islam memainkan peranan penting terhadap diri, masyarakat dan juga negara. Kewujudan usahawan Muslim bukanlah semata-mata untuk mengejar keuntungan dan kebendaan, tetapi lebih menjurus ke arah membangunkan ekonomi dan menyejahterakan rakyat. Setiap usahawan Muslim perlu sedar bahawa bidang keusahawanan yang diceburi merupakan ibadat untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Selain mendapatkan keuntungan yang maksimum, mereka juga digalakkan berniat untuk berkhidmat kepada masyarakat, dan menghasilkan barangan yang boleh memberikan manfaat kepada masyarakat amnya.

Memandangkan cabaran dunia Islam pada abad ini semakin besar, umat Islam perlu lebih bersedia menghadapi sebarang permasalahan yang timbul. Umat Islam selama ini bergantung pada produk yang dikeluarkan oleh golongan bukan Islam. Mereka merupakan golongan pengguna semata-mata dan jauh ketinggalan dalam pengeluaran produk. Akibatnya, umat Islam terdedah kepada pelbagai risiko, termasuklah masalah kesucian dan kehalalan produk yang menjadi tuntutan agama. Atas dasar inilah Islam amat menggalakkan umatnya berusaha menyediakan keperluan mereka sendiri, dan tidak menjadi golongan pengguna semata-mata. **DTI**